

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjelaskan tiada sebarang tindakan pernaguatkuasaan dilakukan bagi penggunaan tulisan jawi pada pembungkusan produk yang dihasilkan pengusaha bukan beragama Islam se-takat ini.

Pengarah Bahagian Penguatkuasaannya, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, tiada sebarang akta khusus diwujudkan bagi melarang penggunaan tulisan itu dan pihaknya juga tidak menerima aduan daripada pengguna mengenai perkara terbabit.

"Kami terbuka mengenai perkara ini dan ia terpulang kepada rakyat. Jika terdapat aduan mengenainya maka pihak kami akan bertindak," katanya di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas mengejai gesaan Dewan

## Tiada akta larang Jawi pada produk bukan Islam

Pembangunan Perniagaan Usahawan Malaysia (MCED) yang menggesa kerajaan untuk membuat akta khas ke Parlimen bagi melarang penggunaan tulisan jawi atau imej yang menunjukkan produk itu dihasilkan oleh pengusaha beragama Islam sedangkan ia keluaran bukan Islam.

Presiden MCED, Datuk Nazilah Idris berkata, tulisan jawi yang disalah guna akan mengelirukan pengguna dengan status halal sesuatu produk.

"Kami berharap perkara ini diberi perhatian serius oleh kerajaan dan kami

menggesa mereka untuk bertindak kerana ia didapati pernah disalah gunakan.

"Ia seolah-olah tulisan jawi itu digunakan untuk mensucikan kandungan yang tidak halal dan ini mengelirukan pengguna," katanya.

Sementara itu, Iskandar menegaskan tiada persamaan antara penggunaan tulisan jawi pada pembungkusan produk yang dihasilkan pengusaha bukan beragama Islam dan penggunaan ayat suci Al-Quran oleh pengusaha restoran mamak.

**FAKTA**  
*Tulisan jawi yang disalah guna akan mengelirukan pengguna dengan status halal sesuatu produk*

"Ia adalah dua situasi yang berbeza di mana kami mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap segelintir pengusaha restoran mamak kerana mereka jelas memberi gambaran salah mengenai status halal makanan mereka kepada pengguna Muslim dengan menggunakan paparan ayat suci Al-Quran meskipun mereka bukan beragama Islam," katanya.

Dalam perkembangan sama, syarikat bukan Islam yang tidak mempunyai sijil halal namun, menggunakan tulisan jawi pada pembungkusan produk untuk tujuan mengelirukan pengguna boleh diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).